

Sebak lihat nasib malang kanak-kanak Syria



TIDAK AKAN DUDUK DIAM: Encik Mohamed Nassir berpendapat kanak-kanak di Syria masih memerlukan bantuan dunia. - Foto KHALID BABA

31 Jan 2015

Pengasas dan Pengarah Urusan Pusat Pendidikan SimplyIslam, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur; Pengurus Besar Qiswah, Encik Muhammad Khalid Ibrahim; dan Pengerusi Critical Xchange, Dr Mohamed Nawab Mohamed Osman ialah tiga nama yang pernah menjejaki pelarian Syria di Turkey. Mereka antara relawan negara ini yang banyak menabur jasa demi kepentingan rakyat Syria yang menjadi pelarian akibat perang dan kegiatan militan di sana. Ikuti laporan NIZAM ISMAIL(nizam@sph.com.sg).

ENCIK Mohamed Nassir Abdul Sukkur menitikkan air mata sebaik sahaja melihat seorang anak Syria yang berusia lapan tahun menjadi yatim piatu setelah ibu bapanya terbunuh di depan matanya sendiri.

Malah jiwanya remuk berada di sebuah hospital di Kilis, Turkey, apabila menemui remaja berusia antara 15 hingga 16 tahun menjadi pekak akibat ledakan bom.

Seorang lagi remaja pula buta sebelah mata akibat serpihan peluru dan seorang lagi lumpuh sepanjang hayat setelah kakinya remuk dibedil senjata.

Pengalaman bersama pelarian Syria di Kilis itu amat terkesan bagi Pengasas dan Pengarah Urusan Pusat Pendidikan SimplyIslam apabila beliau pertama kali menjejakkan kaki ke kawasan pelarian itu pada November 2013.

Beliau telah ke Turkey lima kali, bermula dengan meninjau keadaan dan keperluan pelarian Syria di Kilis yang bersempadan dengan Syria sehinggalah beliau bertanggungjawab membina Pusat Pendidikan Temasek di sana.

"Kawasan pelarian yang saya pergi itu sebenarnya bukanlah sebuah kem dengan khemah tetapi tempat pelarian terbuka.

"Ini kerana pusat pelarian dengan khemah telah dihuni lebih 400,000 orang dan ia telah penuh.

"Bagi rakyat Syria yang tiba di situ dan tidak ditempatkan di kawasan khemah, mereka akan mencari warga Turkey bagi mencari rumah untuk disewa dan mencari kerja.

"Mereka perlu membayar sewa bulanan. Ada juga yang membina rumah tetapi tidak berbumbung asal dapat meneruskan hidup... dan sekolah ialah perkara terakhir yang difikirkan pelarian ini. Mereka hanya ingin meneruskan kehidupan," ujar Encik Mohamed Nassir.

Menyedari keperitan hidup mereka, Encik Mohamed Nassir merasakan anak-anak Syria masih perlu dibantu.

Ini walaupun sekolah Pusat Pendidikan Temasek telah ditubuhkan di bandar Kilis di tenggara Turkey dekat sempadan Syria dan dirasmikan bulan lalu.

Pembinaan sekolah itu merupakan sebahagian daripada Projek Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit), yang diterajui SimplyIslam dan Rangkaian Ekspatriat Muslim (MEX) (kini dikenali sebagai Critical Xchange) dan disokong pelbagai badan Islam di Singapura, termasuk Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF).

Pembinaan sekolah dengan dana bantuan \$350,000 itu juga ialah hasil kerjasamanya dengan sepupu sebelah isteri Encik Mohamed Nassir iaitu Pengerusi Critical Xchange, Dr Mohamed Nawab Mohamed Osman.

Menurutnya, beliau telah bekerjasama seawal 2000 ketika Dr Mohamed Nawab menuntut di Universiti Nasional Singapura (NUS) lagi.

Ketika itu, Encik Mohamed Nassir bekerja di Darul Arqam sebagai pegawai eksekutif.

Semasa beliau bekerja di Masjid Aleem Siddique pula mereka telah saling berinteraksi dalam kerja melibatkan ehwal masyarakat Muslim.

"Apabila Dr Nawab memberitahu terdapat sebilangan ekspatriat di sini ingin membantu rakyat Syria, kami bergabung usaha memungut \$500,000. Alhamdulillah, akhirnya kami dapat mengumpulkan jumlah tersebut hasil usaha rangkaian kami yang ada seperti video, trailer, media sosial dan sebagainya.

"Malah terdapat rakyat Britain, Amerika, Australia, Malaysia, Indonesia yang turut menderma. Tidak kurang juga warga bukan Islam dari Singapura seperti kuil setempat menderma untuk usaha ini," ujar Encik Mohamed Nassir.

Pihaknya juga memberi bantuan makanan kepada lebih 3,000 pelarian serta 2,000 beg sekolah bagi anak Syria.

Kesemua usaha itu dapat disalurkan setelah mendapatkan khidmat badan kemanusiaan antarabangsa berpangkalan di Turkey, Kimse Yok Mu.

Kimse turut menyenggara Pusat Pendidikan Temasek.

"Para guru di sini tidak bergaji tetapi dibantu Kimse yang hanya menyediakan makanan dan tempat tinggal. Baru-baru ini, kami menghulurkan bantuan AS\$2,000 (\$2,672) bagi para guru ini sebagai imbuhan untuk mereka. Kami juga merancang menyediakan kelas bahasa Inggeris untuk sekolah ini," kata Encik Mohamed Nassir.

Dalam masa yang sama, beliau tidak mahu duduk diam kerana menurutnya masih terdapat sejumlah besar pelarian Syria di Jordan, Lebanon dan Mesir selain di Turkey.

"Kami kini masih menilai keadaan pelarian Syria di Lebanon dan Jordan. Kami akan meninjau apakah cara yang boleh kami hulurkan bantuan kepada mereka mereka di kawasan sana pula.

"Mungkin kami boleh menyediakan pekerjaan bagi golongan wanita seperti kraf tangan atau menjahit agar mereka meneruskan kehidupan," tambah Enck Mohamed Nassir.